



SIARAN AKHBAR

Diterbitkan Oleh Jabatan Penerangan Malaysia

PMN. 10386/100 (PH)

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI
DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERSIDANGAN PELANCONGAN KEBANGSAAN
DI HOTEL PAN PACIFIC, KUALA LUMPUR
PADA HARI JUMAAT, 31HB. OKTOBER, 1986
PUKUL 9.30 PAGI

PERPUSTAKAAN BERNAMA

Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dan merasmikan Persidangan Pelancongan Kebangsaan ini.

2. Pelancongan telah diberi keutamaan oleh Kerajaan sebagai salah satu sektor yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Penekanan tentang pentingnya pelancongan ini bukan sahaja terkandung dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima sekarang, bahkan telah juga digariskan bantuan yang wajar untuk industri pelancongan. Antaranya termasuklah menubuhkan Kumpulan Wang Pelaburan Baru, atau NIF, bagi menggalakkan pelaburan baru dalam tiga sektor penting termasuk pelancongan. Kerajaan juga telah mengurangkan kadar bayaran elektrik dan telefon serta telegraf antarabangsa yang akan juga membantu industri pelancongan.

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dengan Persidangan PATA pada awal tahun ini oleh kerana Lembaga Pengarah PATA telah membuat satu resolusi bahawa Persidangan itu merupakan yang terbaik pernah diadakan dalam sejarah 34 tahun PATA. Persidangan itu telah dapat memperkenalkan lagi Malaysia kepada pasaran pelancongan luar negeri dan ahli-ahli industri pelancongan antarabangsa menyedari kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di negara ini.

4. Dalam hal ini usaha-usaha promosi hendaklah ditingkatkan lagi. Usaha-usaha promosi ini adalah berkait rapat dengan media massa seperti majalah dan akhbar. Memikirkan kos iklan media massa ini semakin meningkat, saya berharap usaha-usaha promosi patut dikendalikan dengan lebih memikirkan kekesanannya. Iklan dan usaha-usaha perhubungan awam hendaklah sentiasa diperbaharui supaya usaha-usaha untuk mendapatkan seranta maksima atau 'maximum publicity' dengan kos yang rendah tercapai.

5. Yang harus kita ingat di sini ialah kos iklan di luar negeri merupakan aliran keluar tukaran wang asing negara kita. Di samping Perbadanan Kemajuan Pelancongan atau TDC, beberapa buah hotel antarabangsa di negara ini dan juga MAS membelanjakan sejumlah tukaran wang asing yang besar dalam usaha-usaha pengembangan atau 'promotional efforts' mereka di luar negeri. Dengan itu saya berharap agensi-agensi atau institusi-institusi yang berkaitan seperti TDC dan MAS akan

bekerjasama rapat dalam usaha-usaha ini. Misalannya TDC dan MAS boleh berusaha bersama untuk menarik para pelancong luar negeri ke Malaysia pada masa hadapan dengan bersama-sama menggalakkan pelancongan di lebih banyak tempat di satu-satu rantau pasaran.

6. Saya juga ingin menyentuh tentang peranan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam pembangunan pelancongan. Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai peranan yang agak penting terutama dalam usaha-usaha menyelenggara dan menjaga pusat-pusat dan tempat-tempat pelancongan yang sedia ada. Tempat-tempat pelancongan ini sepatutnya diperindah dan ditingkatkan lagi kebersihan serta kemudahan-kemudahan yang ada padanya. Dengan cara ini, kita tidaklah terpaksa membelanjakan wang yang banyak. Saya sebutkan ini kerana ada beberapa buah Kerajaan Negeri yang mencurahkan perbelanjaan yang tinggi bagi membina projek-projek pelancongan baru atau menghantar rombongan menggalakkan pelancongan ke luar negeri secara 'ad hoc' atau tanpa apa-apa persediaan yang wajar. Tindakan seperti ini tidak mendatangkan hasil yang banyak.

7. Apa yang diperlukan sangat ialah bagi pusat-pusat dan tempat-tempat pelancongan yang wujud sekarang diselenggara, diperbaiki dan dijaga dengan baik dan pastikan kebersihannya terpelihara. Sekiranya kerja-kerja ini tidak dapat dilakukan, janganlah kita mencurahkan lebih banyak lagi pelaburan bagi projek-projek baru. Projek-projek baru itu

mungkin juga akan menghadapi nasib yang serupa iaitu tidak dijagai dengan baik seperti projek-projek sebelumnya. Kerajaan Negeri akan menghadapi kerugian dan pelaburan awam akan menjadi sia-sia sahaja. Sebaliknya, pusat-pusat dan tempat-tempat pelancongan yang wujud masa ini, sekiranya dijaga dan diselenggarakan dengan baik, akan dapat menarik lebih ramai para pelancong, dan saya yakin operator pelancongan atau 'tour operators' akan lebih senang memasukkan pusat-pusat pelancongan tersebut dalam iklan mereka.

8. Sehubungan dengan ini, Kerajaan negeri seharusnya lebih menumpukan sumber-sumber yang ada bagi memastikan bandar-bandar, jalan-jalan, pantai dan perairan berdekatan, hotel-hotel, kedai-kedai makan dan sebagainya sentiasa bersih dan selesa. Usaha-usaha seperti ini akan lebih berkesan daripada segi menarik pelancong daripada mengadakan tambahan tempat-tempat pelancongan yang tidak terupaya diurus dengan baiknya.

9. Satu lagi jentera yang sangat utama dalam industri pelancongan ialah operator pelancongan atau 'tour operators'. Golongan ini merupakan mereka yang bukan sahaja merancang satu-satu program pelancongan, tetapi juga mempunyai hubungan rapat dengan komponen-komponen lain dalam industri pelancongan. Seseorang operator itu biasanya merancang satu-satu lawatan dengan mengambilkira unsur-unsur berkaitan seperti sejarah tempatan, pusat-pusat pelancongan,

kebudayaannya, kemudahan-kemudahan untuk beristirahat dan bersukan, makanan, pengangkutan serta khidmat yang baik di tempat menginap. Selepas mengambilkira semua ini, seseorang operator itu akan menetapkan harga yang berpatutan.

10. Saya ingin meneliti sedikit mengenai ciri-ciri atau pergerakan para pelancong luar negeri ke negara kita. Kira-kira 90% para pelancong yang tiba ke negara ini adalah mereka yang tergolong sebagai para pelancong bebas atau free, independent travellers. Dengan itu pelancongan berkumpulan atau group travel pula hanya kira-kira 10%. Jika kita bandingkan dengan industri pelancongan di negara-negara lain, tentulah jelas bahawa potensi pelancongan berkumpulan di Malaysia masih besar. Keduanya, kebanyakan pelancongan berkumpulan ini tidak diusahakan oleh operator pelancongan tempatan. Pelancongan kebanyakannya disusun oleh operator luar negeri dan hanya disambut semasa ketibaan di pintu-pintu masuk ke negara ini oleh operator-operator tempatan kita.

11. Kita harus sedar akan pentingnya tour operators kita berkongsi dan bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan agensi-agensi pelancongan luar negeri. Ini akan meningkatkan pengaliran pelancong ke negara kita yang mana jika kita tidak berpengaruh, mereka mungkin pergi ke destinasi yang lain. Di samping itu, kita mungkin mendapat bahagian dalam urusan perjalanan pelancong-pelancong ini pergi dan balik di antara negara mereka dan negara kita.

12. Kerajaan yakin operator-operator tempatan mempunyai pengalaman, kemahiran dan keupayaan untuk bekerjasama dengan sektor-sektor lain dalam negara kita ini bagi meningkatkan pelancongan berkumpulan ini. Dengan itu kita berharap operator-operator tempatan bekerjasama dengan lebih rapat dengan agensi-agensi pelancongan di peringkat Persekutuan dan negeri di negara ini bagi menyusun lawatan berkumpulan, terutama yang dapat menarik minat sesuatu kumpulan tertentu atau special interest groups. Selain daripada itu, operator-operator pelancongan tempatan haruslah mengurangkan sedikit demi sedikit galakan lawatan ke luar negeri dan menggalakkan lebih banyak lagi rakyat Malaysia melancong di dalam negara sendiri. Dengan berbuat demikian kita dapat menyelamatkan tukaran wang asing negara. Saya yakin usaha-usaha ini akan meningkatkan pengalaman dan kemahiran para operator pelancongan tempatan.

13. Seperkara lagi yang harus kita ingat bersama ialah negara kita tidaklah bersendirian dalam menggalakkan pelancongan. Negara-negara lain juga bergiat meningkatkan industri ini, bahkan beberapa buah negara lain telah berusaha lebih awal daripada kita. Dengan itu persaingan adalah semakin hebat untuk kita meningkatkan pendapatan negara daripada industri pelancongan. Langkah yang positif untuk menjadikan negara kita lebih mampu bersaing ialah dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan yang lebih sesuai dengan kehendak dan selera pelancong. Kita tidak terlalu perlu kepada hotel-hotel bertaraf lima bintang

atau five star kerana pelancong tidak datang untuk melihat hotel atau tinggal di hotel sepanjang masa. Keperluan mereka ialah kemudahan yang selesa untuk berehat sekejap di antara lawatan-lawatan mereka ke tempat-tempat pelancongan. Jika kita akui hakikat ini, maka kemungkinan kita mencapai kejayaan adalah lebih tinggi.

14. Kita hendaklah bersama-sama yakin bahawa dengan kerjasama antara berbagai komponen industri pelancongan ini dan dengan mengambil-kira segala keperluan tetamu kita, maka akan dapatlah kita mewujudkan 'package' yang boleh menarik lebih ramai pelancong luar negeri ke Malaysia serta para pelancong tempatan. Komponen-komponen pelancongan ini termasuklah agensi-agensi awam, sama ada di dalam atau di luar negeri. Dengan adanya kerjasama yang erat, kita akan dapat meningkatkan lagi industri pelancongan kita ke tahap yang lebih berkesan.

15. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Pelancongan Malaysia kerana menjemput saya ke Persidangan ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Pelancongan Kebangsaan.

Terima kasih.

KUALA LUMPUR,
31hb. Oktober, 1966. (dikeluarkan pada pukul 11.00 pagi)
sz/maz